# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 7 OGOS 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | 1,500 RUANG PAMERAN, JUALAN, HM -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | 'SAYA PUN DENGAR BERITA MACAM ITU', HM -ONLINE | |
| 3. | TERUSKAN JIHAD PERANGI ORANG TENGAH, SH -ONLINE | |
| 4. | PM: BIG BOOST FOR ASPIRING HOME FOOD BUSINESSES, THE STAR -ONLINE | |
| 5. | KWONG WAH YIT POH -ONLINE | |
| 6. | MAKKAL OSAI -ONLINE | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# 1,500 RUANG PAMERAN, JUALAN

## Dapatkan pelbagai tip pertanian dan perternakan dengan mengunjungi MAHA 2022

AGRO

**Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus**
asmaini@mediaprima.com.my




**MAHA 2022** *usaha kerajaan untuk menjamin sekuriti makanan negara.*




**PAMERAN** *lembu pejantan di Laman Ternakan.*

**Selepas** empat tahun, Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 akhirnya kembali menemui orang ramai.

Pameran yang bertemakan Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan itu diadakan sehingga 14 Ogos ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps).

Ia memberi fokus kepada Agro Trade, Agro Entertainment, Agro Lifestyle, Agro Youth, Agro Technology, Agro Job Fair dan Agro Tourism yang membabitkan aktiviti perniagaan, padanan perniagaan, mempromosi produk, tempahan serta antarabangsa.

Selain itu, ia turut mempromosi kesedaran kepentingan sektor agromakanan dalam menjamin sumber bekalan makanan negara serta gaya hidup dan aktiviti nilai tambah di sepanjang rantaian.

Pameran berkenaan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam dan turut dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Sebanyak 1,500 ruang pameran dan jualan disediakan mengikut segmen termasuk pameran oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan korporat serta pengoperasian laman dan rumah negeri.

Antara laman yang dipamerkan adalah Laman Florikultur, Laman Agro Food Padi, Laman Nanas, Laman Ternakan, Laman Perikanan, Laman Sayur dan Herba serta Laman Mekanisasi.



**RONALD Kiandee** *(empat dari kanan) melawat pameran Laman Mekanisasi.*

Orang ramai yang hadir ke MAHA 2022 berpeluang mendapatkan pelbagai tip dalam penternakan antaranya burung puyuh, arnab pedaging, ayam arab bebiri baka santa ines, kambing jemusi dan produk hiliran.

Pengunjung berpeluang melihat lembu pejantan baka, demonstrasi pemeriksaan kebuntingan, permainan beradas dan pengumpulan semen, pameran statik oleh Jabatan Veterinar, pameran dan jualan ayam kampung serta unggas, pameran dan jualan produk haiwan kesayangan serta banyak lagi.

Di Laman Perikanan pula, pengunjung berpeluang mendapatkan maklumat mengenai industri perikanan termasuk ternakan udang putih dan pameran spesies ikan terpilih.

Malah pengunjung juga berpeluang mencuba memancing Yellow Fin Tuna menggunakan simulator dan memancing udang galah segar di Laman Perikanan.

Selain menyediakan info penanaman hingga proses menuai padi, pelbagai aktiviti menarik turut disediakan di Laman Agro Food Padi kepada pengunjung antaranya sukan rakyat, bola sepak bendang, menangkap ikan, itik dan kilang padi mini.

Pada masa sama, pengunjung turut berpeluang mendapatkan beras lima kilogram dengan harga RM10 sahaja pada waktu 'happy hour'.

Di Laman Nanas, pengunjung boleh mendapat info mengenai kisah kejayaan usahawan, demonstrasi masakan berasaskan nanas, mewarna batik nanas, jualan produk dan banyak lagi.

Sementara di Laman Sayuran dan Herba pula, pengunjung berpeluang mendapatkan ilmu berguna di sesi bicara santai mengenai kenaikan herba, demonstrasi kaedah pemeliharaan rama-rama lebah kelulut, penyimpanan sayur-sayuran dan buah-buahan yang selamat, klinik usahawan kelulut, teknik cantuman pokok mangga, nangka dan limau bali serta banyak lagi.

Bagi penggemar mesin dan jentera pertanian, Laman Mekanisasi wajib dikunjungi.

Selain pameran muzium mini, demonstrasi jentera dan peralatan pertanian turut diadakan.

Penganjuran sepatutnya dibuat pada 2020, tetapi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sempadan, ia tidak dapat dianjurkan.

Penganjurannya menjadi indikator utama dalam usaha kerajaan memacu pemulihan sektor pertanian dan agromakanan negara selain membantu usahawan tani untuk pulih dan menjamin sekuriti makanan negara.




**LAMAN** *Agro Padi menyediakan info penanaman hingga proses menuai padi dan pelbagai aktiviti menarik.*



**PELBAGAI** *jenis tanaman dan bunga-bungaan di Laman Florikultur.*



**PAMERAN** *ternakan udang galah di Laman Perikanan.*

# ‘Saya pun dengar berita macam itu’

**Serdang:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam berkata kerajaan pimpinannya sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan termasuk mengadakan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) lebih awal, sekiranya Perikatan Nasional (PN) berhasrat menarik sokongan dalam kerajaan.

Ismail Sabri yang juga Naib Presiden Umno berkata, Malaysia adalah negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan mana-mana parti bebas untuk membuat keputusan sendiri namun mereka perlu menanggung kesan daripada keputusan itu termasuk tidak menyokong kerajaan.

"Saya pun dengar berita macam itu (PN tarik sokongan)...namun laporan mengenai PN itu tidak dikeluarkan secara rasmi oleh parti berkaitan cuma mungkin satu dua orang sahaja yang mengeluarkan kenyataan," katanya selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media bahawa PN bercadang untuk menarik balik sokongan terhadap Perdana Menteri selepas kecewa mesyuarat yang sepatutnya diadakan pada Khamis antara Ismail Sabri dan PN yang diketuai Bersatu dibatalkan pada saat akhir.



ISMAIL Sabri melawat ruang pameran pada Majlis Perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan AgroPelancongan Malaysia (Maha) 2022 di Maeps, semalam.

Parti komponen PN dianggotai oleh Bersatu, Parti Islam Malaysia (Pas), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Solidariti Tanah Airku (Star) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Ismail Sabri berkata, sekiranya kerajaan yang ada sekarang tumbang, maka pilihan raya perlu diadakan dan kerajaan sentiasa bersedia dalam apa jua keadaan.

"Kalau bersedia untuk menghadapi pilihan raya, maka kita akan adakan pilihan raya. Kalau masih lagi kerajaan ini kekal, maka akan pertimbangkan dari segi tarikh pilihan raya mengikut kesesuaian," katanya.

Kelmarin, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu, Faiz Na'aman dilaporkan menafikan laporan yang mendakwa PN akan menarik sokongan terhadap Perdana Menteri kerana isu tuntutan jawatan timbalan perdana menteri, serta menegaskan partinya akan terus menyokong kepemimpinan Ismail Sabri.

# PM: Big boost for aspiring home food businesses




**Positive growth:** Ismail Sabri visiting a booth at the Maha 2022 at MAEPS. Looking on is Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (second from right). – AZMAN GHANI/The Star

**SERDANG:** A total of RM50mil has been allocated to support individuals who want to start home-based food businesses, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The Prime Minister said the allocation also applied to those purchasing machines for food businesses and motorcycles for those intending to perform food delivery jobs through ehailing platforms.

"This amount will be allocated through Agrobank under the Pemulih NewBiz Financing Fund, whereby it offers funding up to RM5,000 for the first stage and RM10,000 for the second stage.

"Applicants will also be given a moratorium for the first six months and charged a 3% profit rate for the seventh month, with a maximum financing period of 60 months or five years," he said at the launch of the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition (Maha) 2022 yesterday.

He said the Agriculture and Food Industries Ministry (Mafi) would also be introducing a Takaful Insurance Agrofood Scheme covering the entirety of the sector.

"This scheme is aimed at minimising the financial damage incurred on those in the agricultural sector, especially during natural disasters such as floods or droughts.

"Padi farmers will also receive compensation which is equivalent to their losses, in cases of instances that hinder the national production of padi," he added.

He said the pilot run would involve the padi and rice sectors, which was set to benefit up to 189,500 farmers, before being expanded to other sectors.

Ismail Sabri also noted how intervention measures taken by the government towards ensuring food security had paid off, with chicken prices now lower than the ceiling price of RM9.40 per kg.

This includes abolishing the approved permit, halting chicken exports and creating buffer stock for chicken and fish.

"These measures also saw the government providing subsidies amounting to RM1.1bil to chicken breeders to ease their burden alongside ensuring a sufficient supply of chicken and eggs and providing guaranteed price stability," he said.

He said the government was also committed to dealing with manipulation by middlemen and cartels in the agriculture sector, which would cause inflation alongside the price increase of goods.

The proposed decision issued by the Malaysia Competition Commission on Friday against five feed millers for infringing Section 4 of the Competition Act 2010 served as a warning against cartels that try to manipulate prices and the market, said the Prime Minister.

Maha 2022 is now held at the Malaysia Agro Exposition Park (Maeps) here until Aug 14.

## 融资援助经营居家食品微企

# 政府拨款5000万推PEMULIH NewBiz

（沙登6日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比里说，政府通过农业银行（Agrobank）拨款5000万令吉推出PEMULIH NewBiz贷款计划，为有志创业经营微型居家食品企业人士，包括毕业生提供融资援助。

他说，这项贷款计划也涵盖购买机器用于食品业务，或购买摩托车用于电召食物外送服务等用途。

"政府同意透过农业银行拨出5000万令吉，通过PEMULIH NewBiz贷款计划，第一阶段将提供5000令吉的贷款，第二阶段则是1万令吉。"

"获批的申请人在首6个月享有暂缓还贷，第7个月被征收3%的利率，最长融资期限为60个月或5年。"

依斯迈今天（6日）为2022年大马农业、园艺及农业旅游展（MAHA 2022）主持开幕式，农业及食品工业部长拿督斯里罗纳建迪也有出席。#



▶依斯迈（中）出席MAHA 2022时，获得民众热烈欢迎。

## 保障粮安干预措施奏效

### 供应过剩鸡肉价低于顶价

首相拿督斯里依斯迈沙比里指出，政府为保障国家粮食供应安全所采取的干预措施已奏效，尤其是目前的鸡肉价格低于政府所设下的每公斤9令吉40仙顶价。

他说，政府已落实数项干预措施强化国家粮安，包括取消入口准证（AP）、限制出口和设立鸡肉和鱼肉库存机制。

依斯迈今天（6日）为2022年大马农业、园艺及农业旅游展（MAHA 2022）致开幕词时说，在这些干预措施中，政府首次提供11亿令吉的补贴，以减轻鸡农的负担，进而确保鸡肉和鸡蛋的生产供应充足和价格稳定。

"这些措施已见成效，今天的鸡肉供应不只过剩，鸡肉价格也低于政府所设下的顶价，也就是每公斤9令吉40仙。"

他提到，在全球粮食供应链中断的情况下，就算面对各种限制，政府也将竭尽所能处理粮食供应短缺课题。

### 延续"打击中间人圣战"

"政府致力于解决农业领域和供应链的'中间人'和'垄断集团'（kartel）从中操纵的问题，他们的行为已导致物价上涨和通膨。"

依斯迈说，他曾在2014年掌舵农业及农基工业部时提出"打击中间人圣战"，因为中间人通过操纵市场上的价格，剥削农民和渔民。

"我要求农业及食品工业部延续这场圣战，也就是跟其属下的机构合作掌控供应链，如设立稻米购买中心、水果收集中心，增加农民市集和渔民市集。"

他指出，在《第12大马计划》下，农粮领域料每年扩张4.5%，进而成为国内生产总值的主要贡献者。#

## குடிநுழைவு இலாகா அதிகாரியை

# பொது இடத்தில் திட்டுவதா?

### புலன் விசாரணை செய்ய பணிக்குழு அமைக்கப்படும்

கோலாலம்பூர், ஆக. [illegible]

அரசாங்க உயர் அதிகாரி ஒருவர் சிப்பாங் கோலாலம்பூர் அனைத்துலக விமான நிலையத்தில் (கேஎல்ஐஏ) இவ்வார தொடக்கத்தில் குடிநுழைவு இலாகா அதிகாரி ஒருவரைப் பொது இடத்தில் கண்டித்தார் என்று சொல்லப்படுவதை புலன் விசாரணை செய்வதற்கு அரசாங்கத்தின் தலைமைச் செயலாளர் டான்ஸ்ரீ முகமட் ஸுக்கி அலி ஓர் உள் பணிக்குழுவை அமைக்க வேண்டும் என்று அமைச்சரவை கேட்டுக் கொண்டது.

இப்பணிக் குழுவுக்கு அட்டர்னி ஜெனரல் டான்ஸ்ரீ இட்ருஸ் ஹருண் தலைமையேற்க வேண்டும். அதன் உறுப்பினர்களை நியமனம் செய்யும் பொறுப்பை தலைமைச் செயலாளரிடம் விட்டு விடுவோம் என்று பிரதமர் டத்தோஸ்ரீ இஸ்மாயில் சப்ரி யாக்கோப் பரிந்துரைத்தார்.

இவ்விவகாரம் குறித்து அமைச்சரவையில் [illegible]



விவாதித்தோம். அரசாங்க பணியாளர்களிடையே பிளவு ஏற்படுவதை நாங்கள் விரும்பவில்லை. அரசு பணியாளர்களிடையே ஒரு [illegible] சூழ்நிலை இருக்க வேண்டும் என்றே விரும்புகிறோம் என்று இங்கு 2022 [illegible] திறந்து வைத்த பின்னர் செய்தியாளர்களிடம் பேசிய அவர் தெரிவித்தார்.

இச்சம்பவம் தொடர்பிலானது என்று சொல்லப்படும் ஒரு வீடியோவை நான் பார்த்தேன். இது தற்போது சமூக வலைத்தளங்களில் வேகமாகப் பரவி வருகிறது. இதன் மீதான புலன் விசாரணை விரைந்து முடியும் என்று எதிர்பார்க்கிறேன் என்றார் அவர்.

தனது [illegible] அந்தக் குடிநுழைவுத்துறை அதிகாரி பொதுமக்களின் கேலிக்கும் கிண்டலுக்கும் ஆளாகி இருக்கிறார். இதனால் ஒட்டுமொத்த அரசு பணியாளர்கள் மீதான தோற்றத்திற்குக் களங்கம் ஏற்பட்டுள்ளது.

குடிநுழைவுத்துறை அதிகாரியைத் திட்டிய அந்த உயர் அரசாங்க அதிகாரி பொதுச் சேவைகள் துறை தலைமை இயக்குநர் என்று கடந்த ஆகஸ்ட் [illegible]ஆம் தேதி வெளியிட்ட ஓர் அறிக்கையில் தீபகற்ப மலேசிய குடிநுழைவுச் சேவைகள் சங்கம் அடையாளம் காட்டியிருக்கிறது.

ஆனால் பொதுச்சேவை இலாகா அதனை முற்றாக மறுத்துள்ளது. அது அடிப்படையற்றது. தீய நோக்கம் கொண்டது. பொதுச்சேவை இலாகாவின் தோற்றத்தைக் களங்கப்படுத்தக் கூடியது என்று அது தெரிவித்தது.

இவ்விவகாரத்தில் தலையிட்ட [illegible] அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ ஹம்சா ஸைனுடின், இதனைப் புலன் விசாரணை செய்யும்படி [illegible] விமான நிலைய குடிநுழைவு இலாகாவைப் பணித்தார்.